



KELAB DUTA RIMBA

KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN, C-4-3, JALAN ATHINAHAPAN,

TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR

☎ 016-3333534 🌐 www.jungleambassador.org ✉ jungleambassador@outlook.com

AKTA PERTUBUHAN 1996 (PPM-023-14-05112014)

Ruj. Kami : JAKL 200-/1/21 (03)

Tarikh : 8 FEBRUARI 2021

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg Dato' /Dr/Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU BAGI PROGRAM "GROW RIMBA GEOTREES CHALLENGE 2021 DALAM TALIAN" SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk **surat KPM bertarikh 5 FEBRUARI 2021 JLD KPM 600-12/1/4 JLD 18()** pihak kami telah menerima surat kelulusan menjalankan program seperti di atas. Sehubungan itu pihak kami ingin memohon kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk membenarkan penglibatan guru dan murid dalam program ini. Pihak kami juga memohon jasa baik pihak tuan jika sudi dapat panjangkan maklumat ini kepada sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan pihak tuan.

3. Program ini menerapkan nilai-nilai kepimpinan, patriotik dan pembentukan jati diri dalam kalangan murid, selain mengekalkan pendedahan aspek sains dan teknologi moden serta elemen pengurusan dan penjagaan alam sekitar. Butiran program adalah seperti berikut:

Nama Program	: Grow Rimba Geotrees Challenge 2021 Dalam Talian
Tarikh Pertandingan	: 1 April hingga 31 Oktober 2021
Join TELEGRAM	: Grow Rimba Challenge 2021
Tarikh Taklimat Online	: 17 Mac 2021 (10 pagi - 12 tengah hari) (Pautan akan dihantar melalui grup TELEGRAM)

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan sokongan pihak tuan dipohon untuk **memanjangkan** pemakluman berkaitan pelaksanaan program ini kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah serta **sekolah-sekolah rendah dan menengah**.

5. Bersama-sama ini disertakan **Pelan Tindakan Kerja** dan **Salinan Kertas Kerja Program International Grow Rimba Geotrees Challenge 2021** untuk perhatian pihak tuan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Ganesan (016-3333534) / En. Mohamed Rasul (011-11337493) / Ustaz Ammar (013-4472057) / Ms. Jun (016-2208024) atau melalui email jungleambassador@outlook.com

Diharap dengan sokongan dan kerjasama pihak tuan dalam program ini dapat membantu negara kita dalam mencapai matlamat dalam **'Sustainable Development Goals' (SDG)** yang disasarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMED RASUL BIN SALLEHUDIN)

Setiausaha Kehormat

Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador

Kuala Lumpur

PELAN TINDAKAN KERJA
GROW RIMBA GEOTRESS CHALLENGE 2021

Tarikh	Keterangan	Tindakan
1 Februari 2021	Pendaftaran sebagai Ahli Bersekutu di laman web jungleambassador.org Link akan diberi dalam group TELEGRAM	Ibu bapa Bayaran RM10.00 (Keahlian sah sehingga 31 Mac 2022). Layak menyertai program-program lain sepanjang tahun. *Sila muatnaik resit pembayaran dalam sistem.
Sebelum 20 Mac 2021	Pihak sekolah membuat pendaftaran peserta di laman web Jungle Ambassador. Link akan diberi melalui TELEGRAM	Guru Pengiring
Sebelum 26 Mac 2021	Yuran pendaftaran program hendaklah dibayar oleh peserta sebanyak RM20.00 (Sijil Penyertaan, Sijil Pencapaian jika layak(Hard Copy), Lencana Program, Kos Penghantaran dan Pengurusan)	Ibu bapa atau Guru Pengiring. *Sila muatnaik resit pembayaran dalam sistem
17 Mac 2021	Taklimat Online 10 pagi hingga 12 tengah hari	Guru pengiring, Ibu bapa dan peserta
31 Mac 2021	Boleh membuat semakan penerimaan pembayaran melalui sistem.	Ibu bapa atau Guru pengiring.
Sebelum 1 April 2021	Penyediaan satu batang anak pokok Semambu (Neem) berusia antara 3 – 6 bulan.	Peserta dengan bantuan ibu bapa atau guru pengiring.
1 April 2021	Penyediaan maklumat Jurnal GR01 & Muatnaik gambar di facebook/ Instagram masing-masing dengan hashtag #growrimbaneem2021	Peserta.
31 Oktober 2021	Pertandingan Tamat & Muatnaik gambar di facebook/ Instagram masing-masing dengan hashtag #growrimbaneem2021	Peserta
1 November 2021	Penghantaran Jurnal GR01, GR02, GR03 kepada pihak sekolah.	Peserta
Sebelum 10 November 2021	- Melengkapkan Borang Akuan GR04 - Pengesahan Borang Akuan GR04	Guru Pengiring Pengetua/Guru Besar
Sebelum 10 November 2021	Pengesahan Penerimaan Borang Akuan GR04 dalam sistem.	Guru Pengiring
30 November 2021	Keputusan Pertandingan diumumkan	Penganjur
4 Disember 2021	Menanam pokok secara serentak di seluruh negara. Muatnaik gambar di facebook/ Instagram masing-masing dengan hashtag #growrimba2021	Peserta dibantu oleh ibu bapa atau guru pengiring.